

Pertahanan kedaulatan Selat Melaka hak kita

BH-13/6/2007

Oleh Dr Ilias Zaidi

BUAT kesekian kalinya, kepemimpinan negara mendapat jaminan kuasa utama dan besar seperti Amerika Syarikat (AS) akan keyakinan keselamatan Selat Melaka, laluan strategik yang dikongsi bersama oleh Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Kali ini, keyakinan itu lahirnya daripada Pengerusi Panglima Angkatan Bersama AS, Jeneral Peter Pace pada kunjungan hormatnya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, minggu lalu.

Beliau memberikan keyakinan itu kerana kian berkurangnya serangan lanun ke atas kapal dagang yang melalui Selat Melaka sejak beberapa tahun kebelakangan, berkat keramat kerjasama erat serta muafakat padat angkatan tentera ketigatiga negara.

Perang Dingin AS-Russia sehingga runtuhnya rejim komunis akhir 1990-an menyaksikan Selat Melaka turut menerima tempasnya disebabkan kedudukan pentingnya bagi laluan kapal dagang sejak sekian lama. Malah, penelusuran sejarah prakegemilangan Kesultanan Melayu Melaka lagi, Selat Melaka sudah terkenal sebagai tempat pertemuan strategik pedagang Barat dengan Timur.

Sejarah Melayu merakamkan salasilah Kesultanan Melayu Melaka bermula pada 1400 diasaskan Parameswara. Asalnya tokoh ini memerintah Singapura, tetapi selepas tewas akibat serangan angkatan Siam, ia bersama-sama pengikutnya melarikan diri ke Selitar lalu ke Muar. Dari sini, ia berkelana lalu membuka negeri baru dinamakannya Melaka. 'Bagindalah Raja Melayu pertama di Melaka'.

Ada bukti jelas menunjukkan bahawa Kesultanan Melaka menjadi asas budaya politik bagi negeri lain di Tanah Melayu ketika itu. Kedah yang asalnya bernama Langkasuka itu diasaskan utusan kerajaan Rom bernama Raja Merong Mahawangsa. Ketika itu baginda dalam pelayaran memimpin angkatan pernikahan putera Raja Rom dengan puteri Raja China lalu terdampar di pantai Langkasuka, dipercayai angkara burung garuda.

Sebelum pulang ke Rom selepas melaksanakan misinya, Raja Merong Mahawang-



Peter Pace

sa menasihati puteranya yang menaiki takhta kerajaan Kedah supaya menghantar putera-puteranya merajai negeri lain. Demikianlah terasasnya kerajaan Perak, Patani dan Siam.

Namun begitu, dalam kajian lain menyebutkan bahawa dinasti Kesultanan Melayu Perak berasal daripada keturunan Sultan Melayu Melaka. Perak sebagai sebuah kerajaan Melayu sudah wujud berabad-abad lamanya. Akibat proses perpecahan kerana kemajuan perlombongan terjadi sekitar 1850-an, lantaran perang saudara di antara sultan dengan beberapa orang pembesar baginda.

Kawasan perkampungan orang Melayu yang awal di Semenanjung Malaysia mungkin terletak di kawasan paling utara dan paling selatan iaitu Kelantan, Kedah dan Johor. Sehingga sekitar 1400, kawasan tanah Semenanjung terletak di garis sempadan pelbagai unit politik yang berpusat di tempat lain di kepulauan Indonesia atau mungkin lebih jauh lagi dari situ.

Pada zaman awalnya, ada beberapa kota kerajaan Hindu di utara Tanah Melayu, yang berpusat di Anam, Indo China dan pantai Coromandel, India. Syair Siti Zubaidah Perang China ada menyebutkan tempat ini.

Pada abad ketujuh, tanah Semenanjung berada dalam lingkungan pengaruh kerajaan Budha Seriwijaya di Sumatera. Dalam

abad ke-14, kerajaan Jawa Majapahit mengambil alih kerajaan Seriwijaya.

Huraian ini membuktikan tradisi Kesultanan Melayu Melaka menjadi budaya politik dan pemerintahan bagi kebanyakan negeri di Semenanjung. Oleh itu, tidak keterlaluan apabila J M Gullick membuat rumusan begini: 'Kesultanan Melaka adalah satu sistem politik rapi dan berpusat, yang bergantung kepada perdagangan luar di pelabuhannya.'

Pemerintahan Melayu tradisional yang berpusat pada budaya Kesultanan Melayu Melaka dikenali sebagai sistem pemerintahan beraja atau sistem feudal. Raja menjadi Ketua Negara dan Ketua Eksekutif untuk mentadbir negeri serta menjalankan peraturan perdagangan.

Pusat pemerintahan kuasa ialah bandar pelabuhan Melaka, sempena nama pohon Melaka seperti sembah Raja Melaka, "Apakah nama kayu itu?" Maka sembah orang. "Kayu Melaka namanya, Tuanku". Maka titah Raja Iskandar Syah, "Jika demikian, Melakalah nama negeri ini".

Negara mempunyai landasan fizikal yang meliputi permukaan bumi, perairan, dan ruang udara. Kawasan permukaan bumi mencakupi wilayah daratan yang diiktiraf sah menurut Hukum Kedaulatan Antarabangsa.

Secara geografinya, bahagian utara Semenanjung bersempadankan negara Thailand, dipisahkan oleh Segenting Kera, di pantai barat bersempadankan Indonesia, dipisah oleh Selat Melaka, sementara di selatan bersempadan dengan Singapura, terpisah oleh Selat Tebrau. Semenanjung terpisah daripada Sabah dan Sarawak oleh Laut China Selatan. Kedua-dua wilayah itu menyertai Malaysia pada 16 September 1963.

Secara teorinya, kawasan laut adalah wilayah yang mencakupi jarak sejauh tiga batu nautika dari pantai. Ertinya kawasan dalam lingkungan sejauh ini menjadi hak wilayah perairan sesebuah negara.

Namun begitu, ada pula negara menyasarkan perluasan had tiga batu nautika itu kepada 12 batu nautika.

Wilayah yang disebut sebagai Zon Eksklusif Ekonomi (ZEE) mungkin diperluas sehingga 200 batu nautika untuk membolehkan kegiatan ekonomi lain dapat dijalankan tanpa rintangan dan halangan serta tidak pula melanggar peraturan dan

undang-undang perairan antarabangsa.

Pada akhir 2004, Australia nampaknya mengambil daya usaha dan tindakan bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai 'timbangan syerif' di rantau Asia Pasifik dengan melaksanakan doktrin tindakan bersendirian seperti dilakukan oleh sekutu rapatnya Amerika Syarikat terhadap Iraq di Asia Barat.

Menurut rancangannya, kapal yang dalam pelayaran ke Australia boleh dipintas sebaik berada dalam lingkungan keselamatan seluas 1,000 batu nautika, iaitu yang merentasi New Zealand dan memasuki perairan Indonesia.

Semua kapal perlu memperkenalkan diri masing-masing serta memberikan maklumat terperinci mengenai krew dan kargo. Kapal yang dicurigai boleh dipintas mengikut tindakan perjanjian keselamatan global untuk menghentikan penyebaran senjata pemusnah besar-besaran.

Langkah yang menyamai Inisiatif Peningkatan Keselamatan (PSI) AS itu dilihat bakal mempengaruhi hubungan Canberra dengan jirannya di Asia Tenggara serta menghadapi tentangan antarabangsa kerana tindakan itu bertentangan dengan prinsip undang-undang maritim antarabangsa.

Tindakan itu dapat dianggap pencerobohan hak kedaulatan sesebuah negara, sama seperti tindakan negara asing mencerobohi ruang negara Malaysia. Yang pasti penjagaan kedaulatan wilayah negara tanggungjawab bersama.

Warga generasi muda terutamanya harus dipersiapkan dengan semangat juang yang tinggi dan jati diri murni. Pastinya ulitan sejarah dapat menyemarakkan semangat juang dan patriotik begini. Pisang diharapkan tidak berbuah dua kali di tenggah-tengah laungan gema 50 kemerdekaan negara dalam masa dua bulan ini, dengan melihat padah pembelotan Rajuna Tapa membuka pintu kota semata-mata marah akan sultan sehingga runtuhnya kekuasaan Raja Melayu kepada kerajaan Majapahit.

Sejarah pahit di Selat Melaka apabila kota pelabuhan itu jatuh ke tangan Portugis, Belanda, dan Inggeris. Oleh itu, laung pekikan kemerdekaan tahun ini dengan pembaharuan ikrar untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara dengan apa cara sekalipun!